

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH  
(SABAK BERNAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 14.03.2016**

**Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah kesan pengubahsuai Bajet 2016 susulan penurunan harga minyak ke atas Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pengukuran fiskal dan kadar hutang Negara serta mampu meningkatkan penjanaan ekonomi domestik dan eksport serta memastikan kesejahteraan rakyat dan penyampaian perkhidmatan sektor awam tidak terjejas.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada 28 Januari yang lalu, Kerajaan telah mengambil langkah pengubahsuaian Bajet 2016 berikutan jangkaan penurunan harga minyak mentah dunia serta kesannya kepada hasil Kerajaan Persekutuan di samping kesan keadaan pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan, termasuk di negara China terhadap ekonomi negara kita. Dalam Bajet 2016 yang diubahsuai ini, Kerajaan telah menyemak semula andaian harga minyak mentah dunia (Dated Brent) daripada USD48 setong kepada paras di antara USD30 hingga USD35 setong. Kesannya, hasil Kerajaan berkaitan petroleum dianggarkan turut berkurang dengan jumlah antara RM7 bilion hingga RM9 bilion.

2. Sehubungan itu, Kerajaan telah dan sentiasa mengambil langkah pengurusan makroekonomi yang pragmatik bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara di samping memastikan kemampaman kedudukan kewangan Kerajaan. Antara langkah yang diumumkan semasa pengubahsuaian Bajet 2016 tersebut termasuk:

a. memastikan pertumbuhan ekonomi terus mapan meskipun berdepan

- ketidaktentuan ekonomi global dipacu oleh aktiviti pelaburan dan penggunaan swasta serta penambahbaikan sektor luar terutamanya aktiviti eksport;
- b. terus memberi komitmen terhadap konsolidasi fiskal dengan meningkatkan hasil Kerajaan, mengoptimum dan mengurangkan ketirisan perbelanjaan mengurus dan memberi keutamaan kepada perbelanjaan pembangunan yang memberi kesan pengganda yang tinggi kepada ekonomi;
  - c. dasar polisi kewangan yang akomodatif; dan
  - d. memberi tumpuan kepada ekonomi berpaksikan rakyat.

Langkah-langkah ini dijangka akan memantapkan lagi asas ekonomi, daya saing dan kemapanan ekonomi negara di samping memastikan kesejahteraan rakyat terus terjamin dan penyampaian perkhidmatan sektor awam tidak terjejas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,,

- 3. Dengan langkah-langkah proaktif ini, KDNK negara pada tahun 2016

diunjur terus berkembang antara 4% hingga 4.5%. Manakala, sasaran defisit fiskal bagi tahun 2016 kekal pada 3.1% daripada KDNK dan paras defisit ini akan dikurangkan secara berperingkat pada tahun-tahun akan datang ke arah mencapai bajet berimbang pada tahun 2020. Dengan paras defisit yang kekal rendah, paras hutang Kerajaan Persekutuan juga kekal terurus dan terkawal, di bawah paras 55% daripada KDNK.